

Perdana Menteri kagum kembar cepat pulih

BH 20 OCT 2002

Daripada KHAIDIR ABDUL MAJID

RIYADH: Pasangan kembar Siam - Ahmad dan Muhammad, 4 cukup gembira kerana dikunjungi tetamu istimewa. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah, di sini, semalam.

Walaupun sekadar 15 minit, mereka sempat beramah mesra dan bertanya khabar manakala Ahmad yang didukung bapanya dan Muhammad yang dipangku ibunya sentiasa ceria dan tersenyum.

Dalam pada itu, Dr Mahathir bersama kagum dengan kebolehan doktor dan pa-

sukan perubatan di King Fahad National Guard yang berjaya memisahkan kembar berkenaan dan juga rawatan pemulihan mereka.

Sebagai seorang doktor, Perdana Menteri berkata beliau tahu betapa rumit pembedahan pemisahan itu kerana ia bukan hanya membabitkan badan

tetapi juga beberapa organ dalam badan.

"Mereka sudah melakukan kerja yang amat baik," kata beliau selepas melawat kedua-dua kanak di Hospital King Fahad National Guard di sini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat pasangan kembar dari Puchong, Selangor itu sejurus tiba di sini dari Islamabad, Pakistan di mana beliau mengadakan lawatan dua hari.

Perdana Menteri berkata beliau kagum dengan pemulihan pesat kedua-dua kanak-kanak yang ditemani ibu-bapa mereka Rosli Abdul Rahim, 31 dan Aisah Kanda di bilik VIP hospital berkenaan.

Dr Siti Hasmah ketika ditemui wartawan berkata beliau gembira melihat perkembangan Ahmad dan Muhammad.

Beliau berharap rakyat Malaysia sama-sama berdoa supaya kedua-dua mereka dapat pulang untuk menyambut Aidilfitri di tanah air.

Ketua Pakar Bedah Hospital King Fahad National Guard, Dr Abdullah Al Rabeeah yang memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai keadaan kembar itu berkata kemungkinan besar rakyat Malaysia boleh menyambut Aidilfitri dan kepulangan mereka pada masa yang sama.

Beliau berkata, kanak-kanak berkenaan

yang masing-masing mempunyai satu kaki akan dipasangkan dengan kaki palsu dalam dua atau tiga minggu lagi.

"Insya-Allah, mereka boleh berjalan menjelang akhir Ramadan," kata Dr Abdullah kepada Dr Mahathir.

Dr Abdullah yang mengetuai pasukan 26 pakar dalam pembedahan pemisahan yang berkenaan berkata Ahmad dan Muhammad sudah boleh berdiri dengan satu kaki dan sedang menjalani terapi untuk menguatkan otot kaki mereka.

Dr Mahathir, isteri dan delegasi Malaysia termasuk Duta Malaysia ke Arab Saudi, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad memenuhi bilik VIP sederhana besar itu dengan masing-masing kelihatan prihatin terhadap keadaan Ahmad dan Muhammad.

Perdana Menteri berkata pihak Malaysia mungkin mengeratkan kerjasama dengan Hospital King Fahad.

Pasangan kembar itu berjaya dipisahkan dalam pembedahan yang mengambil masa hampir 23 jam pada 17 September lalu di hospital berkenaan.

Pembiayaan pembedahan pemisahan yang bernilai RM1.69 juta ditaja Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Abdullah Abdul Aziz.